

UPM hasil inovasi galak pertanian bandar mesra alam

Dua siswa
Fakulti Pertanian
hasilkan mini pot,
inisiatif pertanian
skala kecil

Oleh Nurin Amyra Amir Ahmad
bhpendidikan@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bercucuk tanam kini bukan sekadar hobi, malah menjadi strategi hidup mampan untuk generasi masa depan, terutama dalam suasana kebergantungan tinggi terhadap bekalan makanan luar dan kepadatan penduduk bandar yang semakin meningkat.

Melihat potensi pertanian bandar berskala kecil, dua pelajar Tahun Dua, Bachelor Teknologi Pertanian Pintar, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Yap Zhan How dan Teng Hao Wen tampil membangunkan 'mini pot', sebuah kit tanaman mesra pengguna yang menyokong amalan pertanian hijau dalam ruang kediaman terhad.

Produk yang dibangunkan di bawah jenama Vermacres itu mengandungi media semula jadi seperti cocopeat dan vermikompos, bersama benih empat jenis tumbuhan pilihan iaitu lavender, gypsophila, cat grass dan mosquito repellent grass, menjadikannya sesuai untuk kegunaan rumah.

Zhan How berkata, mini pot itu direka bagi menggalakkan gaya hidup lestari dengan memperkenalkan pertanian sebagai aktiviti

praktikal yang boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja, tanpa memerlukan ruang besar.

"Kami mahu hasilkan produk yang memudahkan orang ramai menanam dalam ruang terhad sambil mendidik masyarakat tentang kepentingan amalan hijau.

"Mini pot ialah titik permulaan yang sesuai untuk semua peringkat," katanya.

Bagi rakannya, Hao Wen pula media tanaman digunakan dihasilkan melalui proses vermicomposting, iaitu penguraian sisa makanan menggunakan cacing African Night Crawlers untuk menghasilkan baja organik berkualiti tinggi.

"Vermikompos membantu menyuburkan tanah secara semula jadi, di samping mengurangkan pembaziran sisa makanan harian.

"Ia adalah alternatif baja sela-



Pencipta mini pot dari UPM, Hao Wen (kiri) dan Zhan How. (Foto ihsan UPM)

mat dan berkesan," katanya.

Pemilihan jenis tanaman

Tambahnya, pemilihan jenis tanaman juga dibuat berdasarkan fungsi dan nilai tambah masing-masing iaitu lavender untuk aroma menyegarkan, cat grass baik untuk penghadaman kucing, gypsophila sebagai tanaman hiasan dan mosquito repellent grass sebagai agen semula jadi penghalau serangga.

Menariknya, setiap unit mini pot turut dilengkapi kod QR yang menghubungkan pengguna kepada tutorial penanaman, panduan penjagaan serta komuniti dalams talian aktif, yang berfungsi sebagai ruang sokongan interaktif.

Mereka turut berkongsi ca-

baran sepanjang proses pembangunan produk, termasuk kekangan kewangan, penyelenggaraan cacing yang sensitif terhadap suhu serta keterbatasan dalam aspek pemasaran kerana semua proses dikendalikan sepenuhnya oleh mereka berdua.

Walaupun berdepan pelbagai rintangan, kedua-duanya tetap yakin mini pot mampu menyumbang kepada kesedaran masyarakat tentang kepentingan menanam sendiri dan pengurangan sisa makanan ke arah kelestarian dan keterjaminan makanan negara.

"Kami berharap usaha kecil ini mampu mencetuskan perubahan besar dalam cara masyarakat melihat pertanian, khususnya dalam persekitaran bandar," katanya.